

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD.  
NASIR [ JOHOR BAHRU ]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2018 (RABU)**

**SOALAN NO. 26**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kaedah untuk meningkatkan kebajikan pemandu teksi dan mutu perkhidmatannya dan bagaimana persaingan yang sihat boleh diwujudkan dengan perkhidmatan e-hailing.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Di bawah Program Transformasi Industri Teksi (TITP), beberapa inisiatif telah dibentangkan dan telah diluluskan oleh Kabinet pada tahun 2016. Inisiatif-inisiatif ini dicadangkan bagi meningkatkan pendapatan dan kebajikan serta menambah baik perkhidmatan pemandu-pemandu teksi, selain menggalakkan persaingan sihat di antara pemandu teksi dan e-hailing.
2. Antara inisiatif-inisiatif tersebut yang akan dilaksanakan secara berperingkat adalah:
  - (i) Pemberian Lesen Individu dan Geran Tunai Kerajaan bagi pemandu Teksi dan Kereta Sewa yang telah tamat kontrak dalam sistem pajak.
    - a. Pemberian lesen individu hanya diberikan kepada pemohon-pemohon yang layak dan tertakluk kepada kriteria kelayakan seperti warganegara Malaysia, termasuk bersih daripada rekod jenayah dan kesalahan di bawah APAD dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).
    - b. Pemohon yang berjaya juga akan menerima Geran Tunai Kerajaan berjumlah RM5,000 sebagai subsidi kos pembelian kenderaan baharu.
  - (ii) Membuka pilihan model dan jenama kenderaan bagi kegunaan kelas lesen Teksi. Semua jenama kenderaan dan model yang mencapai penarafan keselamatan tiga (3) bintang di bawah Program Penilaian Kereta Baharu ASEAN (NCAP) atau setaraf telah diluluskan. Ini akan membantu mempercepatkan proses penggantian kenderaan yang lama dan lebih penting lagi, akan mengurangkan kos bagi pemandu teksi dan pengusaha.

## NO. SOALAN: 26

- (iii) Struktur tambang TEKS1M akan disusun semula bagi melaksanakan struktur tambang selaras Teksi Bajet bagi mengelakkan kekeliruan dan adanya model kenderaan yang sama tetapi kadar tambang berbeza. Proses ini berlaku melalui proses migrasi TEKS1M yang telah mencapai had usia dan melalui proses membaharui lesen akan terpakai syarat-syarat lesen Teksi Bajet.
- (iv) Mengenakan proses saringan yang ketat di mana pihak Kementerian Pengangkutan melalui APAD akan meningkatkan mutu pemandu teksi dan melaksanakan satu proses saringan baru yang ketat dan menyeluruh terhadap teksi dan pemandu e-hailing. Ini termasuk pemeriksaan rekod jenayah dan kesalahan trafik dan pelanggaran syarat-syarat Lesen Pengendali. Ini bukan sahaja dikenakan kepada pemandu teksi sedia ada, namun turut serta kepada pemandu e-hailing.
- (v) Menyelaraskan kadar tambang berdasarkan zon di mana kadar tambang teksi berdasarkan zon, akan digantikan dengan pengiraan berdasarkan jarak perjalanan berasaskan kadar bajet bermeter.
- (vi) Memperkenalkan program bagi meningkatkan prestasi pemandu teksi melalui program Akreditasi Pemandu Teksi akan diadakan yang merangkumi empat (4) modul termasuk program-program orientasi pemandu teksi, membangkitkan semangat keusahawanan di kalangan pemandu teksi, cara-cara melayan penumpang dan juga mengenai Keselamatan dan Penyelenggaraan. Latihan ini akan dijalankan oleh pelatih yang dilantik oleh APAD. Program ini juga akan merangkumi pemandu-pemandu e-hailing.
- (vii) Membenarkan penggunaan kadar tambang dinamik bagi teksi bermeter, kereta sewa dan teksi mewah yang menggunakan aplikasi e-hailing. Pemandu teksi bermeter, kereta sewa akan mempunyai pilihan untuk mengambil penumpang di bahu jalan dan melalui tempahan e-hailing. Mereka juga diberi pilihan untuk menggunakan struktur tambang dinamik yang

**NO. SOALAN: 26**

membolehkan mereka mengenakan tambang berdasarkan aplikasi e-hailing.

Sekian, terima kasih.